



**NOTIS SEBUT HARGA
MAJLIS DAERAH PADANG TERAP**

Kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga di bawah ini :-

BIL	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN & KELAYAKAN	TARIKH & MASA TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA JUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA
1.	<u>No.Sebut Harga :</u> <u>MDPT(K)06-2023</u> Membina Baru 4 Unit kiosk di Bandar Kuala Nerang, Belimbing Kanan, MD Padang Terap				
2.	<u>No.Sebut Harga :</u> <u>MDPT(K)07-2023</u> Membina Baru 5 Unit Kiosk di Naka dan Lubuk Merbau, Tekai, MD Padang Terap	i) Berdaftar dengan LPIPM/CIDB ii) Gred: G1	16 Julai 2023 (Ahad)	16 Julai 2023 (Ahad) hingga 23 Julai 2023 (Ahad) Jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang (Hari Ahad ke Rabu)	23 Julai 2023 (Ahad)
3.	<u>No.Sebut Harga :</u> <u>MDPT(K)08-2023</u> Membina Baru 4 Unit Kiosk di Perik, Kurong Hitam, di Padang Sanai, Batang Tunggang Kiri dan di Bukit Tembaga, Padang Temak, MD Padang Terap	iii) Kategori : CE Pengkhurusan: CE21	Jam 10.00 Pagi	Jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang (Hari Khamis)	Jam 12.00 tengahari
4.	<u>No.Sebut Harga :</u> <u>MDPT(K)09-2023</u> Membina Baru 5 Unit Kiosk di Pedu dan di Barokhas, Belimbing Kanan, MD Padang Terap				

2. Dokumen tawaran sebut harga ini hanya akan dikeluarkan kepada **Pemilik Lesen Kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Padang Terap sahaja**. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas **DIWAJIBKAN** membawa **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA**.

3. Setiap Kontraktor hanya dibenarkan untuk membeli **satu (1) Dokumen Sebut Harga** sahaja bagi setiap tajuk sebutharga.
4. Taklimat Dan Lawatan Tapak Adalah **DIGALAKKAN**. Taklimat tapak akan diadakan pada 16 Julai 2023, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Plumeria, Majlis Daerah Padang Terap. Hanya **Pemilik Lesen** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat tersebut.
5. Dokumen tawaran sebut harga boleh diperolehi di kaunter Majlis Daerah Padang Terap mulai **16 Julai 2023 (Ahad)** hingga **23 Julai 2023 (Ahad)** mengikut masa seperti berikut:-

HARI	MASA
Ahad – Rabu	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Khamis	8.30 pagi hingga 3.00 Petang

6. Kontraktor yang ingin memasuki Tawaran Sebut Harga ini **WAJIB** mengemukakan **Penyata Kewangan** bagi tempoh **3 bulan terkini** iaitu untuk bulan **Mac 2023, April 2023 dan Mei 2023** dan juga **Profil Syarikat**. Kegagalan untuk mengemukakan Penyata Kewangan dan Profil Syarikat tersebut akan menyebabkan Tawaran Sebut Harga ditolak.
7. Harga Dokumen / Borang Tawaran Sebut harga adalah sebanyak **RM 50.00**.
8. Dokumen / Borang tawaran sebut harga yang telah dilengkapkan oleh Kontraktor hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut harga di Majlis Daerah Padang Terap tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada **23 Julai 2023 (Ahad)**.
9. **Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.** Majlis Daerah Padang Terap **tidak terikat** untuk menerima tawaran harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: 9 Julai 2023

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, AMK, BCK)
 Yang DiPertua
 Majlis Daerah Padang Terap,
 Kedah Darul Aman.